



*E-proceeding*

# **2<sup>nd</sup> SEMINAR KEBANGSAAN PENDIDIKAN & TEKNOLOGI 2025**

**3 MEI 2025**

**ANJURAN:**



Copyright © 2025

ACADEMIC INSPIRED NETWORK

All rights reserved. No part of this proceeding may be reproduced in any form, except for the inclusion of brief quotations in review, without permission in writing from the author/ publisher.

eISBN:978-629-95849-0-2

Published by:  
ACADEMIC INSPIRED NETWORK  
(KT 0416380 – P)  
Kota Bharu  
Kelantan

## **SENARAI AHLI JAWATANKUASA UTAMA PROGRAM**

### **PENGERUSI**

Assoc. Prof. Dr. Jalihah binti Md Shah (Universiti Malaysia Sabah)

### **PENGARAH PROGRAM**

Zaim Shah bin Adnan@Nasir (Academic Inspired Network)

### **SETIAUSAHA**

Siti Nor Ain binti Osman (Academic Inspired Network)

### **BENDAHARI**

Siti Nor Ain binti Osman (Academic Inspired Network)

### **JAWATANKUASA TEKNIKAL**

Nur Aziilah Izyan (Academic Inspired Network)

Nor Haslinda binti Ahmad (Academic Inspired Network)

### **KETUA JAWATANKUASA PENILAI KERTAS PENYELIDIKAN**

Dr. Dicky Wiwitan bin Toto Ngadiman (Politeknik Tawau Sabah)

### **SEMAKAN PENERBITAN**

Mohliyarni binti Jaling (Politeknik Tawau Sabah)

### **PROMOSI**

Rosidah binti Mohd Saad (Politeknik Kota Bahru)

Herasuhanti binti Hermain (Politeknik Kuching)

### **BUKU PROGRAM & ATURCARA PROGRAM**

Elena binti Anwar (Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin)

Faizal bin Abdul Razak (Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin)

Nur Arina Syasya binti Abdullah (Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin)

### **PERSEDIAAN MAJLIS**

Dr. Ustaz Muhammad Sayuti bin Sabdan (Politeknik Tawau Sabah)

### **PENGACARA MAJLIS**

Khuzaimah binti Bahari (Politeknik Tawau Sabah)

### **MODERATOR KUMPULAN PEMBENTANGAN**

Mohliyarni binti Jaling (Politeknik Tawau Sabah)

Norhazlina binti Sahari (Kolej Komuniti Segamat 2)

Mohamad Zulhilmy bin Mohamad Yusop (Politeknik Tawau Sabah)

Abdul Rashid bin Husain (Politeknik Port Dickson)

Azyati Ilyani binti Aznan (Politeknik Ungku Omar)

Rosilah binti Man (Politeknik Tawau Sabah)

Shabriyah binti Sehat (Kolej Komuniti Tasek Gelugor)

Nurzaima binti Mahmod (Kolej Komuniti Segamat 2)

Nurulhuda binti Ishak (Politeknik Seberang Perai)

Nor Zaris bin Abdul (Politeknik Kota Kinabalu)

## SENARAI AHLI JAWATANKUASA UTAMA PROGRAM

### PANEL PEMBENTANGAN

Dr. Rina Fakhizan binti Mohd Sukri (Politeknik Metro Kuantan)  
Sukmawati binti Ismail (Politeknik Kota Bharu)  
Nur Shahira binti Mohamad Nor (Politeknik Port Dickson)  
Mohd Hafiz bin Md Sani @ Abd Rahim (Kolej Komuniti Ledang)  
Dr. Saifulazry bin Mokhtar (Universiti Malaysia Sabah)  
Masarizan binti Mohamed (Politeknik Kota Bharu)  
Dr. Tshin Lip Vui (Politeknik Tawau Sabah)  
Abd Rahman bin Yaacob (Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin)  
Nur Hanani binti Daud (Politeknik Kota Bharu)  
Mohd Azmi bin Juan (Politeknik Tawau Sabah)  
Dr. Zainatuliza binti Zainal Abidin (Politeknik METR0 Kuala Lumpur)  
Dr. Dicky Wiwittan bin Toto Ngadiman (Politeknik Tawau Sabah)  
Dr. Azmin Bin Pullong (Universiti Teknologi Mara)

### REKABENTUK SIJIL

Herasuhanti binti Hermain (Politeknik Kuching)  
Ruqayah binti Toto Ngadiman (Universiti Malaysia Sabah)

### PENDAFTARAN

Dr. Dicky Wiwittan Toto Ngadiman (Politeknik Tawau Sabah)

86. PENGGUNAAN EBOOK <i>PRACTICAL ARCGIS 10.8</i> SEBAGAI ALAT BANTU MENGAJAR BAGI KURSUS DYA40143 <i>PRECISION AGRICULTURE</i> .....	855
87. PENGOPERASIAN KONSEP TAWARRUQ DALAM AR-RAHNU YAPEIM DAN IMPLIKASINYA TERHADAP USAHAWAN MIKRO DI MALAYSIA .....	866
88. PENGURUSAN HARTA BAGI PASANGAN PERKAHWINAN SIVIL SELEPAS MEMELUK ISLAM.....	874
89. PENILAIAN KEBERKESANAN PENGGUNAAN PRECAST CONCRETE DALAM SISTEM IBS DI TAPAK PEMBINAAN 1.0.....	889
90. PENILAIAN KEPERLUAN PASARAN DAN RELEVANSI PROGRAM SIJIL KHAS PEMBUATAN SERAMIK DI KOLEJ KOMUNITI CHENDEROH .....	895
91. PERSEPSI PELAJAR POLITEKNIK METR <sub>O</sub> KUANTAN (PMK <sub>u</sub> ) TENTANG PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN.....	905
92. PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENGGUNAAN ALAT KECERDASAN BUATAN (AI) BAGI SUBJEK MATEMATIK KEJURUTERAAN DI POLITEKNIK PORT DICKSON.....	917
93. PERSPEKTIF PELAJAR TERHADAP PEMASANGAN PENYAMAN UDARA KEDIAMAN DI KOLEJ KOMUNITI LEDANG.....	928
94. PRODUCTIVITY IMPROVEMENT ON CAR WEATHER STRIP ASSEMBLY LINE IN AUTOMOTIVE PRODUCTION INDUSTRY .....	939
95. RESILIENCE REDEFINED: EMPOWERING TVET STUDENTS FOR MALAYSIA'S FUTURE .....	947
96. STUDENTS' ACCEPTANCE OF USING CIDOS (CURRICULUM INFORMATION DOCUMENT ON-LINE SYSTEM) FOR LEARNING BIOLOGICAL SCIENCE IN POLYTECHNIC OF SANDAKAN SABAH.....	956
97. SUSU BIJI DURIAN: ALTERNATIF TUMBUHAN HIPOALERGENIK DENGAN POTENSI PEMAKANAN DAN PENERIMAAN PENGGUNA.....	963
98. TABIAT BERBELANJA PELAJAR DALAM ERA E-DAGANG: PENGARUH BUY NOW PAY LATER TERHADAP KEPUTUSAN PEMBELIAN .....	974

## PENGURUSAN HARTA BAGI PASANGAN PERKAHWINAN SIVIL SELEPAS MEMELUK ISLAM

### *ADMINISTRATION OF CIVIL MARRIAGE COUPLE'S PROPERTY AFTER CONVERSION TO ISLAM*

Rina Fakhizan binti Mohd Sukri <sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Politeknik METR O Kuantan, 25200 Kuantan, Pahang, Malaysia  
(rinaf@pmku.edu.my)

\*Corresponding author: rinaf@pmku.edu.my

**Abstrak:** *Pemelukan agama Islam oleh salah satu pihak perkahwinan sivil, sama ada suami atau isteri lazimnya menimbulkan implikasi perundangan terhadap status diri mualaf juga ahli keluarga mereka. Isu berbangkit yang berkaitan adalah seperti pengurusan harta pasangan perkahwinan sivil selepas memeluk Islam dan perbezaan perundangan yang akan menimbulkan konflik serta tiada mekanisme penyelesaian yang memberi keadilan kepada kedua belah pihak. Objektif kajian mengkaji pandangan fuqahak dalam tuntutan hak mualaf terhadap harta perkahwinan, kedua menganalisa peruntukan perundangan yang berkuatkuasa terhadap pengurusan harta pasangan perkahwinan sivil dan mengkaji konflik bidangkuasa mahkamah dalam pengurusan harta pasangan perkahwinan sivil selepas salah seorang suami atau isteri memeluk Islam. Metodologi kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis dokumen dan temubual separa struktur bersama pakar bidang kajian untuk pengumpulan data. Data terkumpul kemudiannya dianalisis secara deskriptif dan dipersembahkan mengikut tema-tema yang sesuai. Hasil kajian mendapati bahawa berdasarkan pendapat jumhur fuqahak, isu harta pasangan perkahwinan sivil selepas pemelukan agama Islam terdapat beberapa harta yang tidak boleh diwarisi oleh pasangannya jika tidak memeluk Islam, seperti harta pusaka, harta penama seperti KWSP, PERKESO, simpanan di bank-bank. Namun terdapat harta yang boleh diwarisi antara mereka iaitu harta sepencarian, nafkah, hibah dan juga wasiat. Peruntukan undang-undang di Malaysia menyatakan harta bagi pasangan perkahwinan sivil sekiranya salah seorang memeluk agama Islam sama ada suami atau isteri adalah tertakluk di bawah undang-undang negeri. Manakala bagi pihak yang tidak memeluk agama Islam tertakluk di bawah undang-undang persekutuan. Konflik perundangan berlaku apabila peruntukan yang berbeza antara negeri dan persekutuan terhadap isu ini. Penyelesaian kepada konflik tersebut cuba ditangani dengan pindaan terhadap Seksyen 51 Akta 164 pada 2017. Implikasi kajian mencadangkan ditubuhkan suatu badan khas seperti mahkamah keluarga khusus untuk menangani kes berkaitan pasangan perkahwinan sivil yang memeluk agama Islam.*

**Kata Kunci:** *Pemelukan Islam, Harta, Perkahwinan Sivil*

**Abstract:** *Conversion to Islam by one of civil marriage couple, either husband or wife, often raises legal implication towards status of the converts and their family, on the issue of dissolution of the civil marriage and inheritance, also division of matrimonial property from their previous civil marriage. The objective of this research is to study the Islamic jurists' opinion on mualaf's legal claims upon matrimonial property, as well as to analyse enforcement of legal provision towards administration of matrimonial property of the civil marriage couple, whom one of them is then converted to Islam. The research methodology is qualitative, applying content analysis method and semi-structure interview with expertise in study field. Collected data is then been analysed descriptively and thematically presented. The outcome of this research discovers that based on the Islamic jurists opinion, the issue of the matrimonial property of the previous civil marriage couple whom one of them was then converted to Islam, cannot be inherited by the non-converted spouse, whereby the non-converted spouse is prevented from inheriting the Muslim deceased property. The rule of preventing the non-Muslim from inheriting the Muslim's property is also applicable to nominated property, due to the reason that the nominated property such as EPF, SOCSO, bank savings that caused the existence of nominated property is indeed is an inheritance property. Meanwhile for the non-converted spouse, they are governed by federal law. Conflict of law occurs due to the differences of legal rulings at federal and state level towards the same legal issue. In order to resolve the conflict, amendment is made towards Act 164 of section 51 in 2017. The research implication suggested on the establishment of special body such as specific family court for the civil marriage couple whom one of them is converted to Islam.*

**Keywords:** *Conversion to Islam, Property, Civil Marriage*

### Pengenalan

Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan hak kebebasan beragama kepada setiap individu, di mana setiap orang berhak mengamalkan agama yang mereka anuti. Sejak peruntukan ini wujud, amalan pertukaran agama sama ada seseorang Islam keluar daripada agama Islam ataupun individu bukan Islam memeluk Islam semakin menunjukkan peningkatan dari masa ke semasa. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), seramai 106,747 orang telah memeluk Islam dalam tempoh antara tahun 2000 hingga 2012.

Di Malaysia, pemelukan agama Islam bukanlah satu fenomena baharu. Umumnya, pemelukan Islam oleh individu daripada pelbagai latar belakang agama dianggap sebagai suatu perkembangan yang positif oleh umat Islam. Namun begitu, jika diteliti dari sudut yang lebih mendalam, proses pemelukan Islam bukanlah sesuatu yang mudah. Ia sarat dengan pelbagai cabaran dan rintangan, khususnya dari sudut psikologi.

Mereka yang baru memeluk Islam atau mualaf sering berdepan dengan pelbagai ujian, terutamanya dalam memahami ajaran Islam, menerima tekanan daripada keluarga dan masyarakat sekeliling, serta menyesuaikan diri dengan kehidupan dan identiti baharu sebagai seorang Muslim. Semua ini memerlukan sokongan moral, kefahaman mendalam, dan perhatian serius daripada masyarakat (Nur A'thiroh Masyaa'il & Fariza, 2009).

Selain menghadapi cabaran dari segi psikologi, individu yang memeluk Islam juga berdepan dengan pelbagai cabaran lain yang merangkumi aspek pendidikan, sosial, ekonomi, politik, status perkahwinan, isu-isu semasa, serta undang-undang (Mohd Nizam & Suhaila, 2010). Mereka turut berhadapan dengan konflik bidang kuasa antara mahkamah sivil dan mahkamah syariah, yang sering kali menimbulkan pertikaian berkaitan isu-isu melibatkan orang Islam dan bukan Islam (Farid Sufian, 2003). Keadaan ini wujud disebabkan oleh bidang kuasa terhadap pelaksanaan hukum syarak di peringkat negeri-negeri di Malaysia, yang akhirnya membawa kepada pelbagai permasalahan dalam pelbagai dimensi kehidupan mualaf.

Bidang kuasa yang terhad terhadap pelaksanaan hukum syarak di Malaysia secara tidak langsung memberi kesan kepada aspek perundangan dalam kes-kes pemelukan agama Islam. Ini kerana pertukaran agama bukan sahaja melibatkan perubahan kepercayaan, tetapi turut membabitkan pertukaran status undang-undang peribadi, terutamanya dalam hal-hal seperti:

- Pembubaran perkahwinan sekiranya pasangan terdiri daripada seorang Muslim dan seorang bukan Muslim,
- Pengurusan harta pasangan,
- Tanggungjawab nafkah terhadap pasangan dan anak-anak.

Situasi menjadi lebih kompleks apabila individu yang memeluk Islam meninggal dunia atau masih hidup tetapi perkahwinan sivil belum dibubarkan secara sah. Dalam keadaan ini, akan timbul isu perundangan berhubung hak waris-waris yang berlainan agama dalam pembahagian harta pusaka, yang mencetuskan pertikaian dari pelbagai sudut perundangan dan agama.

### Pernyataan Masalah

Perbezaan agama antara waris dengan pewaris merupakan salah satu daripada halangan pewarisan dan mereka tidak boleh saling mewarisi (Mohd Zamro & Mohd Ridzuan 2006). Isu berkenaan halangan mewarisi antara waris-waris yang berlainan agama, iaitu orang Islam dan orang kafir dan sebaliknya telah dinyatakan dalam ḥadīth yang diriwayatkan oleh Usāmah bin Zaid r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

عَنْ أُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يَرِثُ الْمُسْلِمُ الْكَافِرَ  
وَلَا الْكَافِرُ الْمُسْلِمُ

(al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, Farā'iq, Lā Yarithul Muṣlīm Al-Kāfirun Wa Lāl Kāfirun Al-Muṣlīm, No. 6764)

Maksudnya:

Dari Usāmah bin Zaid r.a sesungguhnya Nabi s.a.w bersabda: Orang Islam tidak mewarisi harta orang kafir dan orang kafir tidak mewarisi harta orang Islam.

Dalam isu pewarisan orang bukan Islam terhadap harta orang Islam, para ulama telah bersepakat mengatakan bahawa orang bukan Islam tidak boleh mewarisi harta pusaka saudaranya yang beragama Islam (al-Zaydān 1993). Manakala dalam isu pewarisan bagi orang Islam terhadap harta orang bukan Islam, terdapat perselisihan pendapat dalam menentukan

hukum pewarisan tersebut. Pendapat pertama dikemukakan oleh sebahagian mazhab Hanafi dan sebahagian sahabat Rasulullah s.a.w seperti Mu<sup>c</sup>az bin Jabal, Ibn Mush<sup>c</sup>ab, Masruq dan al-Nakhā'i mengatakan orang Islam boleh mewarisi harta orang bukan Islam (al-San'ānī, t.th) dan pendapat kedua terdiri daripada mazhab Hanafi, Maliki, Shafici dan Hambali menegaskan bahawa orang Islam tidak boleh mewarisi harta peninggalan orang bukan Islam (al-Nawawī t.th).

Hibah boleh diberikan kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki samada ahli keluarga atau yang berlainan agama. Oleh itu, dalam Islam hibah kepada bukan Islam adalah diharuskan dan merupakan satu jalan penyelesaian bagi pasangan perkahwinan sivil selepas memeluk Islam untuk memberikan harta kepada suami atau isteri. Berdasarkan kepada dalil-dalil al-Quran dan al-hadīth menunjukkan bahawa hibah merupakan amalan yang diiktiraf oleh Islam di mana telah diamalkan oleh orang-orang Islam sejak dahulu lagi malah ia telah dipelopori oleh Nabi Muhammad s.a.w. Amalan hibah merupakan salah satu amalan pengurusan harta serta pengagihan harta kekayaan secara adil khususnya kepada ahli waris (Siti Zalikha 2002).

Dalam Islam, seseorang Islam mewasiatkan hartanya kepada orang Islam yang lain adalah sah sekiranya mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan dan telah disepakati oleh para ulamak. Begitu juga hukum orang bukan Islam mewasiatkan hartanya kepada orang bukan Islam yang lain adalah sah, sekiranya wasiat tersebut sah di sisi agama mereka (Abū 'Aynayn 1985). Tidak terdapat pertikaian dalam isu yang melibatkan pewasiat dan penerima wasiat memeluk Islam. Bagi golongan dhimmi yang memeluk Islam dan sebelum memeluk Islam telah mewasiatkan harta benda untuk dimanfaatkan oleh orang Islam, justeru setelah memeluk Islam sebelum berlaku kematiannya wasiat tersebut adalah sah dan berkekalan sehingga pengislamannya (Ibn Qudāmah 1984). Begitu juga wasiat yang dilakukan oleh seseorang yang memeluk Islam untuk seorang yang bukan Islam, wasiat tersebut adalah sah sekiranya tidak bercanggah dengan hukum syarak. Ini kerana dari awal sebelum memeluk Islam wasiat yang dibuat oleh orang bukan Islam adalah sah kecuali wasiat tersebut mengandungi unsur-unsur haram dan melebihi had satu pertiga (Ibn Qudāmah 1984). Tetapi sekiranya yang memeluk Islam itu adalah golongan harbi dan mewasiat harta benda kepada golongan harbi, di sini terdapat pandangan yang berbeza. Pendapat pertama mengatakan tidak sah wasiat kepada golongan harbi. Manakala pendapat kedua mengatakan wasiat tersebut adalah sah.

Dalam isu harta penama, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia kali ke 94 yang bersidang pada 20-22 April 2011, harta penama merupakan pusaka si mati, yang perlu dibahagikan mengikut hukum *farā'id*. Hukum syarak telah menetapkan bahawa harta peninggalan orang Islam tidak boleh diwarisi oleh orang bukan Islam. Begitu juga bagi orang Islam tidak boleh mewarisi harta peninggalan orang bukan Islam. Dalam isu nafkah, mazhab Syafici berpendapat bahawa sekiranya suami memeluk Islam selepas isteri memeluk Islam tetapi sebelum habis tempoh iddah, dengan itu isteri berhak untuk mendapat nafkah sepanjang tempoh sebelum pengislaman suaminya. Ini kerana pemelukan Islam oleh isteri tidak menghalang untuk isteri mendapat nafkah dari suaminya (al-Nawawī 2010). Manakala sekiranya suaminya memeluk Islam selepas tamat tempoh iddah, suami berkewajipan membayar nafkah iddah kepada bekas isterinya. Ini kerana isterinya membuat sesuatu yang baik iaitu dengan memeluk Islam dan sepatutnya. Suami juga berupaya menjaga perkahwinan mereka dengan memeluk Islam (al-Sharbīnī 1958).

Berdasarkan kepada hukum yang telah ditetapkan dalam Islam, isu berkaitan harta bagi pasangan perkahwinan sivil selepas pemelukan Islam telah jelas hukumnya. Namun sistem perundangan di Malaysia yang terbahagi kepada undang-undang sivil dan Islam, menyebabkan wujud konflik perundangan terhadap satu permasalahan yang sama. Kes-kes lalu antara pasangan perkahwinan sivil yang kemudian salah seorang daripadanya memeluk agama Islam, telah menimbulkan konflik perundangan sivil dan syariah terhadap isu pembubaran ikatan perkahwinan yang memberi impak kepada pembahagian harta perkahwinan serta hak mewarisi antara mereka.

Di Malaysia pemelukan agama Islam pasangan perkahwinan sivil samada suami atau isteri menjadi satu masalah kerana terdapat peruntukan undang-undang berbeza antara Muslim dengan non-Muslim dan terdapat juga peruntukan Undang-undang Sivil yang juga terpakai ke atas penganut agama Islam. Masyarakat menjadi keliru undang-undang manakah harus diguna pakai dalam menyelesaikan masalah pertikaian harta antara kedua-dua pihak, sekiranya salah seorang daripada mereka meninggal dunia dan ikatan perkahwinan mereka masih belum terlerai. Dalam hal berkaitan undang-undang diri, orang bukan Islam tertakluk kepada undang-undang sivil manakala orang Islam pula tertakluk kepada undang-undang Islam. Dalam kes pertukaran agama, berlakunya pertukaran undang-undang diri bagi yang memeluk agama Islam (Zuliza & Mohd Zamro 2010). Situasi tersebut menyebabkan berlaku konflik perundangan bagi pasangan yang telah berkahwin untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan perkahwinan sivil mereka yang dahulu.

### Objektif Kajian

1. Mengenalpasti kedudukan hak mualaf terhadap harta perkahwinan menurut syarak.
2. Menganalisis peruntukan serta konflik perundangan yang berlaku dalam pengurusan harta pasangan perkahwinan sivil.

### Metodologi Kajian

Metodologi kajian merujuk kepada pendekatan sistematik yang digunakan dalam sesuatu penyelidikan untuk tujuan pengumpulan dan penganalisisan data (Ahmad Sunawari, 2008). Ia memainkan peranan penting dalam memastikan sesuatu kajian mencapai objektif yang telah ditetapkan, dengan berpandukan kepada langkah-langkah atau prosedur yang tersusun dan terancang (Ahmad Mahdzan, 1993).

Dalam kajian ini, aspek-aspek utama yang akan diuraikan di bawah metodologi kajian merangkumi reka bentuk kajian, kaedah persampelan, instrumen kajian, serta kaedah analisis data yang digunakan.

### Rekabentuk Kajian

Menurut Kerlinger (1973), reka bentuk kajian merujuk kepada satu rangka atau panduan yang digunakan dalam penyelidikan bagi mendapatkan jawapan yang jelas terhadap persoalan kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif, iaitu satu bentuk kajian yang bertujuan memberikan gambaran menyeluruh berkenaan sesuatu fenomena yang telah wujud. Selain itu, kajian ini turut bersifat **kualitatif** dan dijalankan melalui analisis dokumen. Pendekatan ini membolehkan penyelidik meneliti data secara mendalam dan holistik berdasarkan sumber-sumber sedia ada. Menurut Denzin dan Lincoln (1994), penyelidikan kualitatif melibatkan

pelbagai kaedah yang digunakan secara fokus, termasuk pendekatan naturalistik, iaitu kajian yang dilakukan dalam keadaan sebenar tanpa manipulasi terhadap pembolehubah.

Pemilihan reka bentuk ini adalah bersesuaian dengan tajuk dan persoalan kajian, yang memerlukan pemerhatian mendalam serta pemahaman kontekstual terhadap isu-isu yang berkaitan dengan pemelukan agama Islam di Malaysia.

Kaedah kualitatif mempunyai kelebihan tersendiri, terutamanya dari segi objektif kajian. Kaedah ini bertujuan untuk mengembangkan pengertian, memperdalam pemahaman serta membina konsep-konsep asas yang kemudiannya dapat dirumuskan menjadi teori. Melalui pendekatan ini, penyelidik berupaya memperoleh maklumat yang lebih terperinci dan menyeluruh berkenaan isu yang dikaji, termasuk dimensi sosial, emosi dan perundangan yang sukar dicapai melalui pendekatan kuantitatif. Kajian ini dikategorikan sebagai kajian undang-undang tulen, dan oleh itu, kaedah kualitatif dipilih sebagai pendekatan paling berkesan untuk digunakan. Pendekatan ini selari dengan keperluan kajian yang memerlukan penelitian terhadap sumber perundangan dan dokumen berkaitan secara mendalam serta interpretasi kontekstual yang teliti.

### **Pengumpulan Data**

Dalam kajian ini, untuk mendapatkan data sekunder ialah secara analisis kandungan dokumen. Sumber utama dalam kajian ini diperolehi melalui kaedah analisis dokumen seperti buku-buku fiqh klasik, tesis, Akta Undang-undang Keluarga Wilayah Persekutuan, Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian) 1976, Malaysian Law Journal, Current Law Journal, Jurnal Hukum, jurnal, artikel, prosiding, kertas-kertas kerja, buku-buku ilmiah kontemporari, bahan-bahan ilmiah daripada laman web dan beberapa sumber yang berkaitan. Kajian terhadap dokumen merupakan perkara penting dalam kajian ini kerana penulis akan mendapat maklumat secara mendalam terhadap apa yang dikaji (Ahmad Sunawari 2008).

### **Analisis Data**

Beberapa kaedah penganalisan data digunakan dalam kajian ini. Antara kaedah yang digunakan ialah:

- i.Keadah deskriptif iaitu salah satu klassifikasi penyelidikan saintifik bertujuan untuk menggambarkan ciri-ciri populasi, fenomena atau pengalaman untuk kajian yang dilakukan. Ia dilakukan dengan mempertimbangkan aspek-aspek rumusan soalan-soalan yang membimbing penyelidikan, serta mewujudkan hubungan antara pembolehubah yang dicadangkan dalam objek kajian di bawah analisis. Ia juga digunakan untuk meneroka faktor-faktor penyebab kepada sesuatu masalah kajian dan tidak bertujuan menguji kebenaran sesuatu hipotesis (Rozmi Ismail 2013). Justeru, kajian ini akan meneroka pengurusan harta pasangan perkahwinan sivil selepas memeluk agam Islam seperti:
  - a) Hukum berkaitan harta bagi pasangan yang memeluk agama Islam
  - b)Kesan pemelukan agama Islam kepada harta pasangan perkahwinan sivil menurut undang-undang sivil
  - c)Kesan pindaan terhadap seksyen 51 AMU

Oleh yang demikian, melalui karakter tersebut akan menjadi garis panduan kepada penggubal undang-undang dan pengamal perundangan.

ii.Kaedah Tematik iaitu setiap data yang diperolehi dianalisis secara tematik dan di susun mengikut tema-tema yang bersesuaian.

### Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini diharap dapat memberi input tentang aspek pengurusan harta pasangan perkahwinan sivil selepas memeluk Islam. Melalui kajian ini juga, pengkaji berharap untuk mengenal pasti hukum pengurusan harta bagi pasangan perkahwinan selepas memeluk Islam menurut perspektif syarak.

Selain itu, dapatan kajian juga boleh dimanfaatkan oleh badan-badan yang bertanggungjawab berkaitan perundangan di Malaysia untuk terus membangun serta memperkasakan perundangan ke arah yang lebih baik. Jika dilihat dari sudut disiplin ilmu pula, selain menambahkan ilmu pengetahuan berkaitan pengurusan harta pasangan perkahwinan sivil selepas memeluk Islam, kajian ini juga diharap dapat memberi kesedaran kepada pihak perundangan bahawa perbezaan perundangan boleh mendatangkan ketidakadilan kepada pihak yang memeluk Islam juga yang tidak memeluk Islam. Hasil kajian akan memperlihatkan beberapa cadangan yang dikemukakan oleh pengamal perundangan dan juga oleh penulis untuk memberi keadilan kepada kedua-dua belah pihak.

### Kajian Literatur

Banyak penulisan-penulisan berkaitan pemelukan agama Islam telah diketengahkan oleh penulis-penulis terdahulu. Penulisan Nur A'thiron Masyaa'il (2009), Mohd Nizam & Suhaila (2010) dan Farid Sufian (2003) mengupas tentang cabaran yang selalu dihadapi oleh mereka yang baru memeluk agama Islam. Nur A'thiron Masyaa'il lebih cenderung kepada cabaran dari sudut psikologi yang selalu dihadapi oleh mereka seperti memahami Islam sebagai agama, tekanan daripada keluarga dan juga masalah untuk menyesuaikan diri dengan agama baru dan masyarakat. Manakala Mohd Nizam Sahad & Suhaila Abdullah lebih luas cabaran yang perlu dihadapi oleh mereka yang memeluk agama Islam seperti dari aspek pendidikan, sosial, ekonomi, politik, status perkahwinan, cabaran isu-isu semasa dan aspek undang-undang termasuk isu pemilikan harta. Farid Sufian Shuib lebih terfokus kepada konflik bidang kuasa mahkamah yang mempunyai kuasa untuk mempertikaikan perkara mengenai Islam dan bukan Islam serta masalah-masalah yang akan timbul dalam pelbagai dimensi.

### Kedudukan Hak Mualaf Terhadap Harta Perkahwinan Menurut Syarak

Menurut Abū 'Aynayn (1984), para ulama telah sepakat bahawa orang bukan Islam boleh diwarisi oleh waris Islam. Namun, dalam isu pewarisan harta orang Islam kepada bukan Islam, al-Zaydān (1993) menyatakan bahawa para ulama bersepakat bahawa orang bukan Islam tidak berhak mewarisi harta peninggalan saudara mereka yang beragama Islam. Pendapat ini turut disokong oleh al-Qardāwī (2015) yang menjelaskan bahawa orang Islam dibenarkan mewarisi harta orang bukan Islam, tetapi tidak sebaliknya. Hal ini kerana Islam tidak menghalang perkara yang membawa kebaikan dan manfaat kepada umatnya, khususnya berkaitan harta pusaka yang boleh dimanfaatkan untuk memperkuuh keimanan dan mentauhidkan Allah.

Siti Zalikha (2002) menyatakan bahawa hibah merupakan satu amalan yang diiktiraf dalam Islam dan telah diamalkan oleh umat Islam sejak dahulu lagi, bahkan dimulakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Amalan hibah ini berperanan sebagai salah satu bentuk pengurusan dan pengagihan harta kekayaan secara adil, khususnya kepada ahli waris. Sehubungan itu,

Rusnadewi dan Nor Hisyam (2013) menjelaskan bahawa dalam Islam, pemberian hibah kepada individu bukan Islam adalah diharuskan. Ini dilihat sebagai satu penyelesaian yang praktikal bagi pasangan perkahwinan sivil yang memeluk Islam, bagi tujuan memberikan harta kepada pasangan mereka. Islam turut menggalakkan amalan hibah sebagai tanda penghargaan kepada mereka yang berlainan agama, terutamanya ibu bapa, suami atau isteri. Dalam isu wasiat pula, Ibn Qudāmah (1984) menerangkan bahawa wasiat yang dibuat oleh seorang Muslim kepada bukan Muslim adalah sah selagi tidak bertentangan dengan hukum syarak. Bagi kes wasiat yang dibuat oleh individu harbi yang memeluk Islam kepada golongan harbi, terdapat dua pandangan. Pandangan pertama menyatakan bahawa wasiat tersebut adalah sah, manakala pandangan kedua berpendapat bahawa ia tidak sah.

Dalam isu harta penama Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia telah bersepakat mengatakan bahawa harta penama merupakan pusaka si mati oleh yang demikian harta tersebut perlu dibahagikan mengikut hukum *farā'iq*. Dalam Islam, orang kafir tidak boleh mewarisi harat peninggalan orang Islam dan orang Islam tidak boleh mewarisi harta orang kafir. Bagi orang Islam yang tidak mempunyai waris yang beragama Islam, harta tersebut akan diberikan kepada baitulmal.

Dalam isu nafkah, al-Nawawī (2010) menjelaskan bahawa terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan jumhur ulama berkenaan situasi di mana seorang suami memeluk Islam, sedangkan isterinya kekal dalam agama asalnya yang bukan termasuk dalam kategori agama samawi. Menurut pandangan mazhab Syafi'i, tanggungjawab suami untuk memberikan nafkah kepada isterinya gugur dalam keadaan ini. Namun, jika si isteri memeluk Islam dalam tempoh tertentu, maka ikatan perkahwinan dianggap masih sah dan suami kembali bertanggungjawab memberi nafkah kepada isterinya bermula dari saat pengislaman tersebut. Dalam tempoh sebelum isteri memeluk Islam, suami tidak diwajibkan membayar nafkah, termasuk nafkah gantian. Ini kerana dalam tempoh tersebut, si isteri dianggap sebagai nusyuz disebabkan keengganannya memeluk Islam, yang dianggap sebagai bentuk keingkaran terhadap keharmonian rumah tangga dalam konteks hukum Islam.

### **Penyelidikan Berkaitan Peruntukan Perundangan Berhubung Hak Mualaf Dalam Harta Perkahwinan Sivil Di Malaysia**

Berdasarkan kepada penulisan sarjana perundangan masa kini, isu pemelukan agama Islam ini didapati melalui penghakiman kes-kes yang diputuskan. Tulisan Abdul Monir (1999), Ahmad Ibrahim (1999) dan Kempe, JE & Winstedt RO (1948) banyak mengupas berkaitan Risalah Hukum Kanun atau Undang-undang Melaka yang hanya mengandungi undang-undang adat pada awalnya dan versi yang terkemudian telah digabungkan dua iaitu undang-undang adat dan undang-undang Islam di mana mengandungi mengenai perkahwinan dan perceraian. Sebelum kedatangan British ke Tanah Melayu terdapat usaha-usaha untuk mengubahsuai undang-undang adat Melayu dan undang-undang Islam. Apabila British sampai ke Tanah Melayu dan memperluas pengaruhnya serta menggunakan undang-undang Inggeris. Walaupun pada dasarnya British bersetuju untuk tidak campur tangan dalam hal ehwal mengenai agama Islam, akhirnya undang-undang Islam hanya terpakai dalam undang-undang keluarga, warisan dan beberapa aspek undang-undang jenayah.

Zuliza (2001) dan Najibah (2007) membincangkan berkaitan pendaftaran bagi mereka yang memeluk agama Islam. Pemelukan agama Islam tidak hanya dengan mengucap dua kalimah

syahadah malah perkara yang paling penting ialah mereka mendaftarkan kemasukan Islam untuk menjadi bukti utama bahawa seseorang itu telah memeluk agama Islam dan tidak akan timbul perselisihan faham kepada pihak-pihak yang lain. Sekiranya pihak yang memeluk agama Islam tidak mendaftar akan merumitkan keadaan apabila berlaku kematian kelak apatah lagi pemelukan agama Islam tidak dimaklumkan kepada ahli keluarga atau pasangan.

Seterusnya penulisan Ahmad Mohamed Ibrahim (1997) dan Zuliza & Mohd Zamro (2010) lebih berkisarkan kepada peruntukan undang-undang yang diguna pakai dalam menyelesaikan masalah pertikaian harta antara pasangan perkahwinan sivil. Manakala Ahmad Mohamed Ibrahim mengatakan mereka masih terikat kepada undang- undang diri yang dahulu. Apabila salah satu pihak tidak memeluk agama Islam maka perkahwinan secara langsung terbatal. Oleh yang demikian, sukar bagi pihak memeluk Islam untuk tinggal bersama kerana terdapat banyak kewajipan tidak dilaksanakan terhadap pasangan yang tidak memeluk agama Islam.

Peruntukan undang-undang yang khusus dalam Seksyen 51(1) berkaitan pembubaran perkahwinan telah dibincangkan oleh Narizan (2002), Nuraisyah Chua Abdullah (2004), Najibah (2005), Najibah (2007), Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), Ahmad Ibrahim (2000) dan Ashgar Ali (2010). Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian) 1976 telah memberi hak kepada pihak yang tidak memeluk agama Islam untuk membubarkan perkahwinan selepas tiga bulan daripada tempoh memeluk agama Islam. Pasangan yang bukan Islam perlu membuat pembubaran perkahwinan kerana akan memberi kesan kepada pihak yang memeluk agama Islam sekiranya perkahwinan tidak dibubarkan. Ini kerana mengikut undang-undang Islam perkahwinan mereka sudah terbatal. Narizan Abdul Rahman juga berpendapat bahawa bukan sahaja isu pembubaran perkahwinan yang menjadi persoalan dalam perundangan tetapi isu juga melibatkan nafkah, jagaan dan penjagaan anak-anak, harta perkahwinan, harta pusaka serta tuntutan pencegah. Najibah Mohd Zin secara umumnya beliau membincangkan lebih luas berkaitan pembubaran perkahwinan pasangan perkahwinan sivil yang memeluk agama Islam. Walau bagaimana pun, beliau lebih memperincikan mengenai konflik bidang kuasa yang berlaku dalam kes pemelukan Islam tersebut. Pada pandangan beliau konflik ini timbul ekoran daripada perbezaan undang-undang yang berlaku anrata mahkamah syariah dan mahkamah sivil.

Seterusnya Najibah (2006 & 2007), melanjutkan perbincangan berkaitan konflik bidang kuasa. Dalam penulisan, beliau menyentuh persoalan berkaitan kesan pasangan perkahwinan sivil yang memeluk agama Islam dalam menuntut hak berkaitan status perkahwinan dan juga tuntutan sampingan yang lain. Persoalan pokok yang dibincangkan adalah berkaitan konflik yang timbul disebabkan oleh pasangan perkahwinan sivil yang memeluk agama Islam. Konflik perundungan yang berlaku seringkali menjadi perbahasan dalam mahkamah sebagaimana beberapa kes yang berkaitan seperti, kes Tang Sung Mooi v Too Miew Kim [1994] 3 MLJ 117, Eeswari Visuvalingam v Government of Malaysia [1990] 1 MLJ 86, Pedley v Majlis Ugama Islam Pulau Pinang [1990] 3 MLJ 307 dan beberapa kes lain yang berkaitan. Beliau juga mengulas berkaitan isu perundungan yang berbeza sehingga menimbulkan konflik apabila salah seorang pasangan perkahwinan sivil memeluk agama Islam. Walaubagaimana pun, kajian-kajian tersebut cenderung dalam mencari penyelesaian bagi memberi keadilan kepada kedua-dua pihak yang terlibat walaupun kedua-duanya tertakluk kepada undang-undang yang berbeza.

Abu Hurairah (1993) & Muhammad Altaf Hussain Ahangar (1995) memfokuskan implikasi pemelukan Islam terhadap kewajipan membayar nafkah kepada anak dan isteri melalui kes-kes yang diputuskan di mahkamah seperti kes Lecthumy, Tan Sung Mooi dan John Fairbairn. Kes-kes tersebut membuktikan bahawa pemelukan Islam tidak mengecualikan kewajipan suami membayar nafkah.

Zuliza (1999; 2000), Zulkifly (2000), Zuliza dan Mohd. Zamro (2002), Latifah (2012) & Zakiah (2012) mengupas tentang pemelukan Islam dan kesan yang perlu dihadapi oleh pasangan perkahwinan sivil. Zuliza Mohd Kusrin lebih memfokuskan berkaitan kebebasan beragama dan kesan kepada orang yang memeluk agama Islam. Kesan terhadap perkahwinan, nafkah (suami atau isteri), nafkah anak-anak, hađanah, harta sepencarian dan harta penama menjadi fokus dalam penulisan ini. Manakala penulisan Zulkifly Muda lebih cenderung kepada pertukaran agama dan kesan kepada undang-undang diri. Perbincangan berkisarkan seseorang yang memeluk Islam akan menghadapi masalah dalam undang-undang diri termasuk hal berkaitan harta pusaka, hibah, wasiat, nafkah turut dibincangkan. Penulisan Latifah Abdul Aziz pula lebih fokus kepada pemelukan Islam dan kesan kepada hak hađanah. Bagi salah seorang pasangan sivil yang memeluk agama Islam, mengikut Undang-undang Keluarga Islam kriteria utama bagi menjagaan anak ialah beragama Islam. Zakiah Derahman lebih cenderung kepada pemelukan agama Islam dan kesan kepada hak-hak nafkah. Walaupun suami memeluk Islam nafkah terhadap isteri yang tidak memeluk agama Islam mesti diberikan.

Zuliza dan Mohd Zamro (2010) mengutarakan bahawa terdapat juga amalan di Malaysia perlu diperhalusi. Walaupun isu pemilikan harta tidak dibincangkan secara mendalam, namun pemilikan harta itu sendiri yang tidak pernah hilang. Kes-kes terkini akan dikupas selanjutnya dalam kajian ini menerusi penekanan pemilikan harta itu sendiri.

### Dapatan dan Perbincangan

Perkahwinan lazimnya membawa kepada pengumpulan harta sama ada melalui usaha bersama atau milikan individu sepanjang tempoh perkahwinan. Namun, apabila berlaku perceraian atau kematian, timbul keperluan untuk menyelesaikan pembahagian harta secara adil antara suami dan isteri. Dalam konteks perceraian yang melibatkan pasangan Islam dan bukan Islam, proses pembahagian harta perlu diteliti berdasarkan hukum syarak, khususnya dalam menentukan hak pewarisan antara kedua-dua pihak.

Bagi pasangan yang berkahwin secara sivil, sekiranya salah seorang memeluk agama Islam, maka pasangan yang tidak memeluk Islam tidak berhak mewarisi harta pusaka pasangannya yang telah memeluk Islam. Ini termasuk harta pusaka serta harta penama seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), PERKESO dan simpanan berpenama lain, kerana menurut hukum syarak, semua harta tersebut dikategorikan sebagai harta pusaka yang hanya boleh diwarisi oleh waris Islam.

Namun demikian, terdapat beberapa bentuk harta yang masih boleh dituntut oleh pasangan bukan Islam, antaranya ialah harta sepencarian, nafkah, dan harta yang diberikan melalui hibah. Dalam hal ini, hibah memainkan peranan penting sebagai satu instrumen alternatif kepada sistem pewarisan dalam Islam. Hibah membolehkan seseorang memberikan sebahagian hartanya kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki, asalkan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak—tanpa mengira agama penerima.

Konsep hibah mencerminkan keindahan Islam yang menitikberatkan nilai kasih sayang, keadilan serta penghormatan terhadap hubungan kekeluargaan. Maka, ketidakadilan dalam isu pembahagian harta kepada pasangan bukan Islam boleh diatasi sekiranya pihak yang memeluk Islam mengambil tindakan yang proaktif seperti memfaikan pembubaran perkahwinan secara rasmi dan tidak merahsiakan status agama baharunya. Langkah-langkah ini akan membantu menyelesaikan pertikaian perundungan dan memastikan hak kedua-dua pihak dihormati.

Berdasarkan perbincangan di atas menunjukkan terdapat beberapa implikasi perundungan yang timbul terhadap perkahwinan, perwarisan harta pusaka dan juga Mahkamah Syariah. Implikasi terhadap harta perkahwinan sivil selepas memeluk Islam terdapat dua keadaan iaitu ada beberapa harta yang boleh diwarisi oleh pihak yang tidak memeluk Islam seperti harta sepencarian, nafkah dan juga hibah. Manakala terdapat juga harta yang tidak boleh di warisi oleh pihak yang tidak memeluk agama Islam iaitu harta pusaka, wasiat dan juga harta penama.

Dalam Islam, hibah amat digalakkan sebagai tanda penghargaan terhadap individu yang berlainan agama, terutamanya ibu bapa, suami atau isteri. Amalan ini mencerminkan keindahan dan keluhuran Islam sebagai agama yang menitikberatkan nilai kemanusiaan serta menjaga kemaslahatan dalam hubungan sesama manusia.

Di Malaysia, undang-undang perkahwinan dan perceraian berbeza antara orang Islam dan bukan Islam. Bagi orang Islam, perkahwinan dan perceraian tertakluk kepada undang-undang syariah yang digubal oleh kerajaan negeri masing-masing. Sebaliknya, bagi orang bukan Islam, undang-undang yang terpakai ialah Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 atau Akta 164. Perbezaan bidang kuasa dan peruntukan undang-undang ini sering menimbulkan konflik, terutamanya dalam kes perkahwinan sivil apabila salah seorang pasangan memeluk agama Islam.

Akta 164 ini memperuntukkan antaranya berkaitan pendaftaran perkahwinan dan perceraian orang bukan Islam sahaja. Namun pindaan telah diluluskan pada tahun 2017 dengan menyatakan bahawa Seksyen 51 untuk individu yang memeluk agama Islam membubarkan perkahwinan sivil mereka atas dasar pertukaran agama kepada Islam dan juga dengan menambah Seksyen 51A iaitu berkaitan pengurusan harta selepas seseorang yang memeluk agama Islam meninggal dunia.

Seksyen 51A adalah pindaan terhadap Akta 164 yang berkaitan pengurusan harta pasangan perkahwinan sivil selepas salah seorang yang memeluk Islam meninggal dunia. Seksyen 51A memperuntukkan sebagaimana berikut:

Harta suami isteri selepas penukaran agama.

51 A. (1) Jika seseorang yang telah masuk Islam mati sebelum perkahwinan bukan Islam yang orang itu ialah suatu pihak telah dibubarkan, aset perkahwinan seperti wang, harta atau kerja orang itu hendaklah dibahagikan oleh mahkamah antara pihak-pihak berkepentingan mengikut peruntukan Seksyen ini apabila permohonan dibuat oleh mana-mana pihak berkepentingan.

(1) Dalam menjalankan kuasa yang diberikan oleh Subseksyen (1), mahkamah hendaklah memberi perhatian terhadap –

- (a) takat sumbangan yang telah diberikan oleh pihak-pihak berkepentingan itu dalam bentuk wang, harta atau kerja terhadap pemerolehan asset perkahwinan itu atau pembayaran perbelanjaan untuk faedah keluarga;
- (b) apa-apa hutang yang berhutang oleh si mati dan pihak berkepentingan yang telah dilakukan bagi faedah bersama mereka;
- (c) takat sumbangan kepada kebajikan keluarga dengan menjaga rumah atau menyayangi keluarga;
- (d) tempoh perkahwinan itu;
- (e) keperluan anak-anak, jika ada, daripada perkahwinan itu; dan
- (f) hak pihak berkepentingan di bawah Akta Pembahagian 1958 (Akta 300) jika si mati belum menukar agama.

Bagi maksud Seksyen ini, “pihak berkepentingan” atau “pihak-pihak berkepentingan” ertinya pasangan yang menamat dan anak-anak yang menamat daripada sesebuah perkahwinan, jika ada, dan ibu bapa pasangan yang telah menukar agama yang telah meninggal dunia”.

Akta ibu dipinda dengan memasukkan Seksyen 51A selepas Seksyen 51 adalah untuk memastikan bahawa waris terdekat bagi orang yang memeluk Islam yang kemudiannya meninggal dunia sebelum perkahwinan sivil dibubarkan berhak terhadap aset perkahwinan tersebut. Pembahagian yang dibuat perlu mengambil kira takat sumbangan yang telah diberikan terhadap perolehan aset itu, hutang yang terhutang, tempoh perkahwinan itu dan keperluan anak-anak (Hansard Parlimen 2017). Berdasarkan peruntukan tersebut pembahagian harta semasa dalam perkahwinan sivil atau dikenali juga sebagai harta sepencarian, wajar diselesaikan di Mahkamah Sivil kerana pihak-pihak yang terlibat menuntut bahagian masing-masing terhadap harta yang dikumpul ketika perkahwinan terdahulu. Walau bagaimanapun, lebih daripada harta sepencarian tersebut, sekiranya pasangan yang memeluk Islam telah meninggal dunia, sewajarnya pembahagian harta ditentukan oleh undang-undang diri si mati iaitu undang-undang Islam.

Realitinya, cadangan pindaan tersebut adalah bercanggah dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam kerana enakmen tersebut telah mempunyai peruntukan khusus berkaitan pewarisan orang Islam. Konflik perundangan yang serius akan berlaku apabila tuntutan terhadap kesamaran harta yang didakwa sebagai harta perkahwinan di Mahkamah Sivil dan tuntutan harta pusaka diluluskan. Lebih merumitkan lagi, sekiranya tuntutan terhadap harta yang didakwa sebagai matrimonial assets tersebut dibuat selepas pembahagian pusaka di Mahkamah Syariah dan pentadbiran pusaka kepada pihak-pihak yang berhak telah diselesaikan. Kebimbangan terhadap keupayaan bidang kuasa kedua-dua mahkamah tersebut dalam menyelesaikan tuntutan harta yang sama akan menjadikan isu konflik bidang kuasa yang tidak berkesudahan. Seksyen 51A ini sewajarnya dibincangkan semula dalam pindaan Akta 164 bagi mengelakkkan isu tuntutan bertindih tersebut (Zuliza et.al 2017).

### Kesimpulan

Adalah diharapkan hasil kajian ini akan memberi manfaat kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam perundangan di Malaysia. Sesungguhnya permasalahan yang dipaparkan dalam kajian ini bukan berlaku pada masa sekarang namun telah berlaku dari dahulu lagi. Perundangan yang sedia ada perlu di kaji semula supaya memberi keadilan kepada semua pihak. Pihak-pihak terlibat sepatutnya membuat satu perundangan yang tidak memihak kepada mana-mana

undang-undang sama ada undang-undang Islam atau undang sivil kerana kedua-dua undang-undang ini merupakan tonggak utama keharmonian dan kemakmuran di Malaysia. Hasil kajian ini menyokong bahawa Akta 164 khususnya Seksyen 51 AMU di kaji semula supaya tiada percanggahan antara undang-undang Islam dan undang-undang sivil.

Oleh itu, harapan penulis semoga kajian ini dapat membuka mata semua pihak betapa pentingnya keadilan dalam membicarakan isu-isu berkaitan harta bagi pasangan perkahwinan sivil supaya kedua-dua belah pihak mendapat keadilan. Selain itu, adalah diharapkan kajian ini mampu menerbitkan kesedaran kepada semua pihak bahawa perundangan Islam dan sivil sama-sama mempunyai kepentingan dalam merealisasikan perundangan yang memberi keadilan kepada masyarakat.

## Rujukan

Al-Quran

- Abdul Monir Yaacob. 2012. *Islam dan Kebebasan Beragama Menurut Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Tecknowlogic Trading Sdn Bhd.
- Abū ‘Aynayn, B. 1984. *Al-‘Alāqat al-ijtimā‘iyat bayna al-muslimīn wa ghayr al-muslimīn*. Beirut: Dār al Nahdah al-Arabiyyah.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. 1990. Seksyen 51 akta memperbaharui undang-undang (perkahwinan & perceraian) 1976. *Jurnal Undang-Undang* 2(2): 35-36.
- Ahmad Ibrahim. 1992. Dissolution on ground of conversion to Islam. Kertas kerja Conference on reform of the Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976. Anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Gombak, Selangor.
- Ahmad Ibrahim. 1992. Konflik Di antara Sariah dan Common Law di Malaysia: Masalah dan Penyelesaian. Kertas Kerja Seminar Syariah dan Common Law di Malaysia. Anjuran Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Selangor, 16-17 Mei.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. 2000. Pertukaran Agama Islam. Dlm. Abdul Monir Yacob & Sarina Othman (pnyt.). *Tinjauan Kepada Perundangan Islam*, hlm, 82-85. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Farid Sufian Shuaib. 2003. *Powers And Jurisdiction Of Syariah Courts In Malaysia*. Singapore: Lexis Nexis.
- Ibn Qudāmah, M. A. A. 1985. *al-Mughni*. Jil. 7 & 10. Beirut: Dār al-Fikr.
- Kempe, J.E. & Winstedt R.O. 1948. *A Malay Legal Digest of Pahang*. Singapura: Branch, Royal Asiatic Society.
- Latifah Abdul Aziz. 2012. Pemelukan Islam salah seorang pasangan perkahwinan sivil dan implikasi terhadap hak hađanah. Tesis Ijazah Sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Universiti Malaya.
- Muhammad Altaf Hussain Ahangar. 1994. Effects Of Change Of Religion On Marriage And Maintenance Obligation: Judicial Responses In Malaysia. *IIUM Law Journal* 4(1): 127.
- Majlis Muzakarah Fatwa Kebangsaan.2000. Retrieved from <http://esmaf.Islam.gov.my/eスマフ/in dex.php/ma in/mainv1/fatwa/pr/15 206>. [1 Febuari 2021]
- Mohd Zamro Muda & Mohd Ridzuan Awang. 2006. *Undang-undang Pusaka Islam: Pelaksanaan di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Nawawī, Abu Zakariya Muhyi al-Din Ibn Sharaf . t.th. *Minhāj Al-Tālibīn Wa ‘Umdāt Al-Muftīn*. Jil. 2. Jiddah, KSA: al-Haramain.

- Najibah Mohd Zin. 2006. Pembubaran Perkahwinan dan Permasalahan Berbangkit. Dlm. Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md. Supi. (pnyt.). *Manual Undang-undang Keluarga Islam*, hlm. 161-182. Kuala Lumpur: IKIM.
- Najibah Mohd Zin. 2006. Pertukaran Agama: Kesan Terhadap Status Perkahwinan dan Tuntutan Relief Sampingan. Dlm. Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md. Supi. (pnyt.). *Manual Undang-undang Keluarga Islam*, hlm. 183-192. Kuala Lumpur: IKIM.
- Najibah Mohd Zin. 2007. *Perceraian dalam Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Najibah Mohd Zin. 2007. Resolving the conflict in family dispute involving conversion of a spouse to Islam under the malaysian law. *The Law Review* 1:61-71.
- Nuraisyah Chua Abdullah. 2004. *Conversion to Islam-Effect on Status of Marriages and Ancillary Relief*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- NurA'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao. 2009. *Cabarhan Psikologi Saudara Baru: Kajian Di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan*. Kuala Lumpur. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957.
- al-Qurtubi, Abu Abd Allah Muhammad Ibn Ahmad. 2013. *al-Jami'i Ahkam al-Quran*. Jil. 3 & 5. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Rusnadewi Abdul Rashid & Nor Hisyam Ahmad. 2013. Pengurusan harta melalui hibah: kepentingan dan manfaat dari pelbagai aspek untuk kemajuan ummah. *Jurnal Hadhari* 5: 1-93.
- al-Şābūnī, Muhammad Ali. 1989. *Al-Mawarith Fi Al-Shari'ah Al-Islamiyyah Fi Daw' Al-Kitabwa Al-Sunnah*. Damsyiq: Dar al-'Ilm.
- al-San'ānī, Muhammad Ibn Ismail. t.th. *Subul Al-Salām Sharḥ Bulūgh Al-Marām*. Jil. 3. Pulau Pinang: Pustaka al-Maarif.
- al-Sharbīnī, Muhammad Khatib. 1958. *Mughnī Al-Muhtāj Ila Ma'rifat Ma'āni Alfāz Al-Minhaj*. Jil. 2. Kaherah: Matbaah Mustafa al-Halabi.
- Siti Zalikha Md Nor. 2002. Pengurusan wakaf, wasiat dan hibah di Malaysia. Dlm. Mohd Zaini Yahaya, Abdul Basir Mohamad, Anwar Fakhri Omar & Mohd Zamro Muda (Pnyt.). *Isu Syariah dan Undang-undang dlm Isu-isu Syariah*. Hlm 1-11. Selangor: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Zakiah Derahman. 2012. Pemelukan agama Islam: Implikasi terhadap hak-hak nafkah menurut perspektif undang-undang di Malaysia. Tesis Ijazah Sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Universiti Malaya.
- Zulkifli Muda. 2000. Kesan Pertukaran Agama dan Mazhab terhadap Undang-undang Diri di Malaysia. Tesis Dr. Fal. Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuliza Mohd Kusrin. 2000. Pemelukan Islam: tinjauan terhadap persoalan nafkah suami, isteri dan anak-anak yang berlainan agama. Kertas Kerja Seminar Penyelidikan didalam Pengajian Islam Ke 2. Anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 9-10 November.
- Zuliza Mohd Kusrin. 2000. Sekatan-sekatan Perundangan Terhadap Kebebasan Beragama di Malaysia Dlm. Abdul Basir Mohamad (pnyt.). *Isu Syariah dan Undang-Undang*, hlm. 79-82. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuliza Mohd Kusrin & Mohd Zamro Muda. 2002. Halangan-halangan Perundangan Terhadap Aplikasi Undang-undang Islam dikalangan Saudara Baru di Malaysia. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Pengajian Dakwah Malaysia-Indonesia. Anjuran Fakulti Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 18 Mei.


Zuliza Mohd Kusrin & Mohd Zamro Muda. 2010. Kesan Pertukaran Agama Pasangan Suami Isteri terhadap Pemilikan Harta: Satu Sorotan. Dlm. Mohd Zamro Muda, Noor Liza Mohamad Said, Muhammad Adib Samsudin, Che Maryam Ahmad & Ibnor Azli Ibrahim (pnyt.). *Isu-isu Harta Orang Islam Di Malaysia*, hlm. 130- 131. Bangi: Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zuliza Mohd Kusrin et.al, 2017. Perkembangan Penghakiman Kes-kes Pemelukan Islam dan Implikasi Perundungan Terhadap Pindaan Rang Undang-undang Seksyen 51A dan 88A Akta 164. Dlm. *Isu Syariah dan Undang-undang Siri 23*, hlm, 18-27. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Univeristi Kebangsaan Malaysia.

ANJURAN:



e ISBN 978-629-95849-0-2



9 786299 584902